

pendengaran permohonan bagi diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara.

Anak kelahiran Kedah ini mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Keat Hwa (K) sebelum menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Keat Hwa II untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Setelah menamatkan pengajian tingkatan enam di Sekolah Menengah Persendirian Sin Min, beliau menerima tawaran melanjutkan pengajian di UUM bagi program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan menerima ijazah pada 19 Oktober 2008.

Manakala, seorang lagi graduan UUM, Miza Hiryani Zakaria yang ditemui melahirkan rasa bangga kerana telah menyempurnakan wasiat arwah ayahnya untuk melihat dia menjadi seorang peguam.

Miza seorang yang tabah menghadapi liku hidup kerana selepas ayahnya meninggal dunia dia terpaksa bekerja sebagai pekerja am di salah sebuah restoran segera di Alor Setar sebelum dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Pemasaran cawangan dan seterusnya sebagai Pegawai Perhubungan Awam di salah sebuah hotel di Sungai Petani.

Berkat kesungguhan untuk belajar dan memenuhi cita-cita arwah ayahnya, beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dalam Bidang Pengurusan Perniagaan di Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) dan merupakan pelajar terbaik keseluruhan ITTAR di majlis konvokesyen kesembilan pada tahun 2005.

Pada tahun 2004, Miza ditawarkan ke UUM dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan kepujian pada Mac 2009 dan telah menjalani latihan dalam kamar di Tetuan Abdul Halim Said & Co pada 13 Mei 2009.

Dalam pada itu, Miza yang ditemui berkata, pengiktirafan kepada empat graduan UUM amat bermakna baginya dan pihak pengurusan Universiti kerana ia akan menjadi pemangkin kepada pelajar-pelajar lain atau mereka yang ingin memilih program undang-undang supaya memilih UUM kerana ia setanding dengan universiti lain di negara ini.

"Saya setuju dengan pendapat Miza kerana penerimaan sebagai peguambela dan peguamcara membuktikan bahawa graduan UUM setanding dengan IPTA lain dan saya ingin menyarankan bakal pelajar yang ingin menyambung pengajian mereka dalam bidang undang-undang memilih UUM kerana sistem pembelajaran dan kemudahannya adalah setaraf dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain," ujar Ida Farah Hanim Hashim pula.

Habis.